(juta tan metrik)
12.90

Sumber: <https://world-statistics.org/>



PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Penduduk (juta)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024 ^p
Malaysia	30.7	31.2	31.6	32.0	32.4	32.5	32.4	32.6	32.7	33.4	34.1
Johor	3.6	3.6	3.7	3.7	3.7	3.8	4.0	4.0	4.0	4.1	4.2
Kedah	2.1	2.1	2.1	2.1	2.2	2.2	2.1	2.2	2.2	2.2	2.2
Kelantan	1.7	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9	1.8	1.8	1.8	1.9	1.9
Melaka	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	0.9	1.0	1.0	1.0	1.0	1.0
Negeri Sembilan	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2
Pahang	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7	1.7	1.6	1.6	1.6	1.6	1.7
Perak	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5	2.6
Perlis	0.2	0.2	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3	0.3
Pulau Pinang	1.7	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8	1.7	1.7	1.7	1.8	1.8
Sabah	3.7	3.7	3.8	3.9	3.9	3.9	3.4	3.4	3.4	3.6	3.7
Sarawak	2.7	2.7	2.7	2.8	2.8	2.8	2.5	2.5	2.5	2.5	2.5
Selangor	6.1	6.2	6.3	6.4	6.5	6.5	7.0	7.1	7.0	7.2	7.4
Terengganu	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2	1.2	1.1	1.2	1.2	1.2	1.2
W.P. Kuala Lumpur	1.7	1.8	1.8	1.8	1.8	1.8	2.0	2.0	2.0	2.0	2.1
W.P. Labuan	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1
W.P. Putrajaya	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1	0.1

Negeri	Nisbah Jantina										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^e
Malaysia	107	108	108	108	108	108	110	109	109	110	111
Johor	113	113	113	113	113	112	115	114	113	114	116
Kedah	103	103	103	103	103	103	104	104	104	104	104
Kelantan	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101	101
Melaka	104	105	105	106	106	107	111	111	110	111	113
Negeri Sembilan	109	109	109	109	109	109	108	108	107	108	108
Pahang	114	114	114	114	114	113	113	112	112	113	114
Perak	104	104	104	104	104	104	109	108	108	109	110
Perlis	98	98	99	99	99	99	100	100	100	100	99
Pulau Pinang	103	103	104	104	105	105	105	105	105	105	105
Sabah	110	110	110	110	110	110	109	109	109	109	109
Sarawak	108	109	109	109	109	109	107	107	107	107	107
Selangor	109	109	109	108	108	108	113	112	112	113	115
Terengganu	104	104	104	103	104	103	105	105	105	105	106
W.P. Kuala Lumpur	107	108	109	109	110	110	115	114	113	115	117
W.P. Labuan	105	105	105	105	105	105	106	105	105	105	105
W.P. Putrajaya	91	92	93	93	94	94	96	97	97	97	98

Negeri	Struktur Umur											
	2021			2022			2023			2024 ^e		
	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun	0-14 tahun	15-64 tahun	65+ tahun
Malaysia	7,684.8	22,601.3	2,290.2	7,579.7	22,754.7	2,363.7	7,569.2	23,347.4	2,485.2	7,554.2	23,894.3	2,610.2
Johor	949.3	2,812.1	258.6	930.9	2,827.4	270.0	914.2	2,904.3	288.8	911.0	2,965.8	309.4
Kedah	536.5	1,436.0	179.1	533.5	1,444.6	185.0	535.0	1,461.5	192.8	534.0	1,482.1	201.4
Kelantan	538.9	1,153.6	119.8	539.0	1,168.9	122.7	536.6	1,195.5	127.7	534.3	1,221.3	132.9
Melaka	234.1	705.3	65.1	234.9	706.7	66.9	234.8	724.4	69.1	233.7	742.5	70.9
Negeri Sembilan	300.9	817.3	86.0	299.4	820.2	88.3	296.5	836.7	91.7	294.8	850.4	94.9
Pahang	418.3	1,079.2	104.0	411.4	1,096.0	106.9	405.8	1,127.3	110.1	398.6	1,156.5	113.1
Perak	573.9	1,707.7	234.2	564.8	1,710.0	239.7	554.1	1,740.0	247.2	545.2	1,769.9	254.5
Perlis	57.3	207.3	23.0	57.6	208.8	23.4	57.3	211.9	23.9	58.0	214.4	24.4
Pulau Pinang	342.9	1,274.5	122.6	336.7	1,275.8	128.5	337.4	1,299.2	136.1	336.7	1,319.7	144.0
Sabah	882.8	2,334.1	195.7	855.9	2,357.6	201.5	878.0	2,502.0	216.8	889.5	2,621.5	231.3
Sarawak	532.5	1,740.0	193.1	521.3	1,753.7	198.5	513.6	1,780.3	208.4	507.2	1,793.1	217.8
Selangor	1,531.6	4,978.7	504.5	1,516.7	5,008.8	524.9	1,532.2	5,119.9	557.6	1,540.8	5,229.0	593.5
Terengganu	333.7	770.0	67.0	336.8	781.1	68.7	340.2	798.1	71.8	343.5	813.8	74.8
W.P. Kuala Lumpur	382.9	1,449.7	131.4	371.6	1,457.0	132.6	364.6	1,504.5	136.6	359.1	1,568.7	139.7
W.P. Labuan	26.0	65.8	4.3	26.0	66.3	4.6	26.2	68.0	4.9	26.2	69.5	5.2
W.P. Putrajaya	43.3	70.3	1.7	43.4	71.8	1.9	42.9	73.9	2.1	41.8	76.2	2.3

Nota:

Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

PENDUDUK DAN INDIKATOR DEMOGRAFI

Negeri	Kadar Kelahiran Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	17.8	16.7	17.2	16.7	16.1	15.9	15.5	15.1	14.5	13.5	12.9
Johor	17.5	16.5	17.0	16.8	16.3	16.5	16.3	16.0	14.2	12.4	12.0
Kedah	18.2	17.2	17.7	17.5	17.0	17.1	16.5	15.9	15.9	15.4	14.2
Kelantan	22.4	21.6	22.8	22.2	21.4	21.4	20.6	19.6	20.2	19.2	18.5
Melaka	16.9	16.0	16.7	16.4	16.0	15.8	15.6	15.2	13.9	13.1	13.0
Negeri Sembilan	16.9	16.3	17.3	16.9	16.4	16.2	16.2	15.5	14.3	13.9	13.2
Pahang	17.7	17.2	18.1	17.5	17.0	16.7	16.2	15.5	15.9	15.3	14.6
Perak	15.5	14.5	14.9	14.7	14.4	14.0	13.5	13.2	12.7	12.2	11.7
Perlis	17.3	16.7	18.4	17.4	17.5	17.6	17.2	16.0	14.4	14.2	12.9
Pulau Pinang	14.7	12.9	13.6	13.1	12.7	12.3	11.7	11.4	11.3	10.7	10.2
Sabah	16.9	15.7	15.6	14.7	13.7	13.6	13.6	13.6	14.5	12.2	12.8
Sarawak	16.8	15.3	15.4	14.7	13.9	13.6	13.1	13.1	14.4	12.7	12.5
Selangor	18.9	17.5	18.0	17.5	16.6	16.3	15.8	15.2	13.4	12.8	11.9
Terengganu	23.5	22.9	23.7	23.8	23.3	23.1	23.0	21.8	23.6	22.5	21.3
W.P. Kuala Lumpur	15.9	14.7	15.6	14.5	14.4	13.8	13.5	13.4	11.7	10.7	10.1
W.P. Labuan	19.6	19.1	19.9	20.5	18.1	17.3	17.1	16.9	18.0	15.9	14.2
W.P. Putrajaya	40.2	37.3	37.9	34.6	30.4	28.8	24.7	22.3	19.6	18.3	15.7

Negeri	Kadar Kematian Kasar (bagi setiap 1,000 penduduk)										
	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022
Malaysia	4.7	4.7	4.9	5.0	5.1	5.3	5.3	5.4	5.1	6.9	6.3
Johor	5.0	5.1	5.0	5.2	5.5	5.6	5.6	5.8	5.1	6.7	6.3
Kedah	6.1	6.1	6.3	6.5	6.5	6.7	6.7	6.6	6.4	8.6	8.1
Kelantan	6.0	6.0	6.1	6.1	6.0	6.1	6.1	6.1	6.1	7.7	7.3
Melaka	5.4	5.5	5.4	5.6	5.8	6.0	5.9	6.0	5.5	7.1	6.6
Negeri Sembilan	5.6	5.8	5.9	6.1	6.2	6.4	6.5	6.4	5.8	7.6	7.1
Pahang	5.0	5.2	5.2	5.3	5.5	5.6	5.6	5.5	5.5	6.5	6.8
Perak	6.8	6.7	6.9	7.0	7.2	7.2	7.4	7.5	7.2	8.5	8.9
Perlis	6.9	7.2	6.8	7.1	7.5	8.0	8.1	7.9	6.8	7.8	8.4
Pulau Pinang	5.6	5.7	5.8	6.0	6.2	6.2	6.4	6.2	6.1	8.0	7.4
Sabah	2.3	2.3	3.3	3.4	3.4	3.6	3.6	3.8	4.3	5.5	5.1
Sarawak	4.4	4.3	4.4	4.5	4.6	4.7	5.0	5.0	5.8	7.1	6.7
Selangor	3.7	3.7	3.7	3.9	4.1	4.2	4.2	4.3	3.6	6.0	4.7
Terengganu	5.6	5.8	5.7	5.8	5.8	5.8	5.8	5.9	5.9	7.2	7.3
W.P. Kuala Lumpur	4.1	4.2	4.4	4.3	4.5	4.6	4.7	5.0	4.2	6.8	5.1
W.P. Labuan	2.7	2.7	2.9	2.6	2.9	2.5	2.9	3.0	3.4	5.4	4.0
W.P. Putrajaya	1.8	2.1	2.4	2.3	1.9	2.6	2.2	2.0	1.9	2.3	2.2

Negeri	Jangkaan Hayat Ketika Lahir (Lelaki & Perempuan)										
	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023 ^p	2024 ^a
Malaysia	74.5	74.6	74.4	74.4	74.6	74.8	74.7	74.0	73.8	74.0	75.2
Johor	74.3	74.3	74.2	74.1	74.3	74.4	74.3	73.6	73.5	73.8	74.9
Kedah	73.1	73.1	72.9	73.0	73.1	73.4	73.1	72.2	71.7	71.7	73.0
Kelantan	71.9	72.0	72.0	72.2	72.4	72.6	72.2	71.6	71.4	71.8	73.2
Melaka	74.5	74.6	74.5	74.5	74.7	74.9	74.0	73.1	73.0	73.2	74.3
Negeri Sembilan	73.5	73.6	73.4	73.4	73.5	73.8	73.3	73.1	72.9	73.1	74.0
Pahang	73.1	73.2	73.3	73.4	73.6	73.9	72.9	72.6	72.4	72.3	73.1
Perak	74.0	74.0	74.0	73.9	74.0	74.2	73.7	73.3	73.0	72.9	73.8
Perlis	73.0	73.0	72.4	72.0	72.0	72.0	72.8	72.4	72.3	72.4	73.5
Pulau Pinang	74.8	74.8	74.8	74.9	75.2	75.5	74.2	73.7	73.5	73.7	74.7
Sabah	73.5	73.8	74.2	74.2	74.2	74.2	74.3	73.4	73.1	73.8	75.1
Sarawak	76.3	76.3	76.3	76.2	76.4	76.3	75.1	74.5	74.3	74.5	75.2
Selangor	75.1	75.1	75.1	75.1	75.4	75.7	77.4	76.4	76.2	76.5	78.0
Terengganu	71.3	71.4	71.6	71.8	72.1	72.2	71.7	71.3	71.0	71.1	72.2
W.P. Kuala Lumpur	76.1	76.2	76.6	76.5	76.7	76.9	76.4	75.1	75.1	75.3	76.2
W.P. Labuan	76.1	76.3	77.4	77.3	77.6	77.6	75.4	74.5	74.4	76.2	77.8
W.P. Putrajaya	71.7	72.1	72.3	72.2	73.3	73.8	74.5	74.6	74.2	74.0	74.5

Nota:

- i. - Tiada kes
- ii. Statistik penduduk bagi tahun 2020-2024 telah disemak semula berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci 2020) manakala statistik bagi tahun 2012-2019 adalah berdasarkan Banci 2010 dan akan disemak semula

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

1.0 PENGENALAN

Laporan ini membentangkan parameter utama penanaman padi hasil dapatan Banci Pertanian 2024 bagi tahun rujukan 2023. Parameter yang dipaparkan dalam laporan interim ini meliputi bilangan pegangan pertanian yang terdiri daripada pegangan pertanian individu dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman padi untuk tujuan jualan. Lokasi pegangan pertanian bagi aktiviti penanaman padi merujuk kepada lokasi tempat tinggal bagi pegangan pertanian individu, manakala bagi pegangan pertanian pertubuhan merujuk kepada alamat pertubuhan berada. Selain itu, laporan ini turut mengandungi maklumat keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan mengikut negeri dan daerah. Maklumat bagi keluasan bertanam, keluasan bertuai, kuantiti pengeluaran, kuantiti jualan dan nilai jualan adalah merujuk kepada lokasi di mana aktiviti penanaman padi dijalankan.

2.0 LATAR BELAKANG

Tanaman padi memainkan peranan penting dalam memastikan keterjaminan makanan di Malaysia. Ia adalah sumber utama beras, yang menjadi makanan ruji bagi majoriti rakyat negara ini. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan pengeluaran padi, termasuk pembangunan kawasan penanaman berskala besar dan penggunaan teknologi moden pada 2023.

Padi yang ditanam terbahagi kepada dua jenis iaitu Padi Sawah, yang juga dikenali sebagai padi bendang, dan Padi Huma atau padi bukit. Padi sawah memerlukan banyak air, baja, dan perlu ditanam dengan cara yang teratur. Padi sawah banyak ditanam di Pantai Barat Semenanjung Malaysia. Padi huma, pula, merupakan padi asal yang ditanam di Malaysia sebelum padi sawah diperkenalkan. Padi jenis ini banyak ditanam di Sabah, Sarawak, serta kawasan pedalaman di Pahang dan Perak.

Penanaman padi di Malaysia dijalankan mengikut dua musim utama dalam setahun, iaitu musim utama dan luar musim. Musim utama biasanya bermula sekitar Mac hingga April, manakala penuaian dilakukan pada Ogos atau September. Seterusnya, musim kedua dimulakan sekitar September atau Oktober, dan hasil padi dituai pada Januari atau Februari tahun berikutnya. Kawasan jelapang padi seperti Kedah, Perlis, Perak, dan Kelantan merupakan antara penyumbang utama hasil padi negara yang mengamalkan sistem dua musim ini mengikut jadual penanaman yang terancang dan sokongan agensi pertanian seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA). Banci Pertanian 2024 meliputi penanaman dan tuaian padi pada tahun rujukan 2023.

Bagi memastikan pengeluaran beras terjamin, pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran komoditi padi. Pegangan pertanian padi memainkan peranan penting dalam memastikan kecukupan beras bagi negara. Secara purata, bagi tempoh 2018 hingga 2022, pengeluaran padi di Malaysia direkodkan sejumlah 14.7 juta tan metrik. Malaysia mempunyai pelbagai varieti padi yang ditanam secara meluas untuk memenuhi keperluan makanan negara serta meningkatkan hasil pengeluaran pertanian. Antara varieti yang digunakan ialah MR220, 297, 269, 303, 315, dan 316, yang merupakan hasil penyelidikan dan pembangunan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Setiap varieti mempunyai keistimewaan tersendiri. Contohnya, MR219 berpotensi menghasilkan 10.5 tan metrik sehektar dalam tempoh matang sekitar 111 hari, manakala MR220 adalah varieti rintang racun rumpai untuk kawalan padi angin dan disyorkan untuk kawasan sawah bermasalah padi angin melebihi 30 peratus. Varieti 297 pula mempunyai potensi hasil sekitar 9.52 tan metrik hingga 9.28 tan metrik per hektar.

Kadar penukaran padi kepada beras berbeza mengikut wilayah: 70 peratus di Semenanjung Malaysia, 63 peratus di Sabah, dan 60 peratus di Sarawak. Ini bermakna daripada setiap 100 tan metrik padi yang dituai, hanya sekitar 60 hingga 70 tan metrik beras dapat dihasilkan, bergantung kepada lokasi tanaman. Ketidacukupan bekalan beras tempatan menyebabkan Malaysia bergantung kepada import bagi menampung permintaan domestik yang semakin meningkat. Kuantiti import beras pada 2023 meningkat 13.4 peratus, iaitu 1.4 juta tan metrik berbanding 1.2 juta tan metrik pada 2022. Namun, kadar sara diri (SSR) beras negara masih lagi rendah iaitu pada 56.2 peratus pada tahun 2023. Pengiraan SSR mengambil kira jumlah padi bersih yang diproses menjadi beras, tidak termasuk padi yang digunakan untuk benih.



Pegangan pertanian tanaman padi dalam Banci Pertanian 2024 merujuk individu dan pertubuhan yang terlibat secara aktif dalam mengusahakan tanaman padi dan melakukan pengeluaran padi tanpa mengira status dan pemilikan tanah serta memenuhi kriteria berikut:

- i. Pengeluaran padi adalah 100 peratus bagi tujuan jualan;
- ii. Pengeluaran padi adalah untuk tujuan jualan namun digunakan sedikit bagi tujuan kegunaan sendiri; dan
- iii. Kegunaan sendiri tetapi turut membuat jualan juga dalam kuantiti yang minimum.

3.0 PESAWAH DI MALAYSIA 2023

Hasil penemuan Banci Pertanian 2024 melaporkan seramai 208,053 individu dan pertubuhan terlibat dalam aktiviti penanaman padi di Malaysia. Seramai 174,810 merupakan pesawah aktif yang melaksanakan aktiviti penanaman padi pada tahun 2023 manakala 33,073 pesawah melaporkan tidak menjalankan aktiviti tersebut bagi tahun yang sama. Di kalangan pesawah aktif, terdapat seramai 125,976 pesawah yang bertanam bagi tujuan jualan dikenali sebagai pegangan pertanian individu tanaman padi, manakala 48,834 pesawah merupakan pesawah yang menanam padi untuk kegunaan sendiri atau sara diri. Selain pegangan pertanian individu, terdapat 170 pertubuhan yang turut melaksanakan aktiviti penanaman padi bagi tujuan jualan. Secara keseluruhan, pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia berjumlah 126,146 pada tahun 2023.


Rajah 1: Bilangan Pesawah di Malaysia, 2023



Pesawah yang mengamalkan penanaman padi secara sara diri (48,834 orang) menggunakan hasil tanaman semata-mata untuk keperluan keluarga sendiri tanpa dijual ke pasaran. Sarawak merekodkan bilangan tertinggi bagi amalan sara diri dengan 22,728 orang. Ini diikuti Sabah dengan bilangan pesawah sara diri 12,510 orang dan Kelantan dengan 10,557 orang. Walaubagaimanapun, perbandingan antara negeri Kelantan merekodkan peratusan tertinggi iaitu 62.6 peratus pesawah sara diri daripada jumlah pesawah di Kelantan.

Amalan ini lazimnya berlaku dalam kalangan pesawah yang tidak bergantung kepada aktiviti penanaman padi sebagai sumber pendapatan utama. Walaupun tidak menyumbang secara langsung kepada rantai bekalan beras negara, golongan ini tetap memainkan peranan penting dalam menjamin kelangsungan makanan di peringkat isi rumah.

Paparan 1: Tiga Negeri Teratas Pesawah Bertanam Untuk Sara Diri, Malaysia,




Semua pesawah sara diri merupakan warganegara. Bilangan pesawah sara diri perempuan mendahului bilangan pesawah sara diri lelaki dengan masing-masing merekodkan 25,623 perempuan dan 23,211 lelaki. Hampir satu per tiga daripada jumlah pesawah sara diri terdiri daripada kumpulan umur 15 hingga 30 tahun (31.3 %). Manakala, komposisi kumpulan umur 60 tahun dan ke atas adalah 23.8 peratus dan kumpulan umur 31 hingga 45 tahun adalah 23.0 peratus.

4.0 PROFIL PEGANGAN PERTANIAN TANAMAN PADI


Banci Pertanian 2024 merekodkan 126,146 pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia pada tahun 2023. Majoriti merupakan pegangan pertanian individu (99.9%) dan hanya 0.1 peratus adalah pegangan pertanian pertubuhan.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Padi, Malaysia, 2023



Kedah yang dikenali sebagai 'Jelapang Padi Malaysia' melaporkan bilangan pegangan pertanian tanaman padi tertinggi dengan 48,921 pegangan pertanian pada tahun 2023, meliputi 38.8 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian padi di Malaysia. Manakala, Sarawak merekodkan pegangan pertanian padi kedua teratas dengan 14,394 pegangan atau 11.4 peratus, diikuti Perak dengan 13,901 (11.0%). Selain itu, Perlis merekodkan 11,253 pegangan pertanian padi, meliputi 8.9 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman padi.

Paparan 2: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Negeri, Malaysia, 2023



4.1 PEGANGAN PERTANIAN INDIVIDU TANAMAN PADI

Industri penanaman padi merupakan antara tunjang utama dalam memastikan keterjaminan makanan negara. Majoriti pegangan pertanian di Malaysia pada tahun 2023 yang dilaporkan daripada hasil analisa Banci Pertanian 2024, 99.9 peratus, (125,980 individu) merupakan individu yang turut menjalankan aktiviti jualan hasil pertanian mereka. Pegangan pertanian individu tanaman padi terdiri daripada latar belakang yang berbeza dari segi jantina, kumpulan umur, etnik, warganegara, taraf pendidikan serta taraf perkahwinan.

4.1.1 Negeri

Kedah mencatatkan peratus tertinggi bagi pegangan pertanian individu mengikut lokasi tempat kediaman dengan 38.8 peratus (48,859 orang). Ini diikuti oleh Sarawak 11.4 peratus (14,388 orang) dan Perak 11.0 peratus (13,883 orang). Sebaliknya, tiga negeri yang merekodkan peratus terendah adalah W.P. Putrajaya (0.002%, 2 orang), W.P. Kuala Lumpur (0.003%, 4 orang) dan Negeri Sembilan (0.2%, 185 orang).

4.1.2 Daerah


Tiga daerah yang mencatatkan peratus teratas bagi lokasi pegangan pertanian individu tanaman padi berada di Kedah iaitu Kubang Pasu (9.6%), Kota Setar (8.3%) dan Pendang (7.5%). Sebaliknya, enam daerah mencatatkan hanya seorang

pegangan pertanian individu di Sandakan (Sabah), Timur Laut (Pulau Pinang), Bera dan Bentong (Pahang), Gua Musang (Kelantan) dan Segamat (Johor).

4.1.3 Kewarganegaraan

Hampir seluruh pegangan pertanian tanaman padi berstatus warganegara Malaysia dengan 125,939 individu atau 99.9 peratus daripada bilangan keseluruhan pegangan pertanian. Walau bagaimanapun, terdapat 37 individu merupakan pegangan pertanian berstatus bukan warganegara.


Paparan 3: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Warganegara, Malaysia, 2023



Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Putrajaya mencatatkan 100 peratus pegangan pertanian individu berstatus warganegara Malaysia. Sebaliknya, Sarawak melaporkan peratusan pegangan pertanian individu bukan warganegara tertinggi dengan 0.1 peratus. Majoriti daerah iaitu 140 daerah melaporkan pegangan pertanian tanaman padi berstatus warganegara.

Pegangan pertanian individu bukan warganegara merekodkan peratusan tertinggi di daerah Sandakan, Sabah (100%). Ini diikuti oleh Lundu, Sarawak (2.4%), Tenom, Sabah (1.4%), Ranau, Sabah (0.5%) dan Keningau, Sabah (0.3%).

Paparan 4: Pegangan Pertanian Individu Tanaman Padi Berstatus Bukan Warganegara Bagi Tiga Daerah Teratas, Malaysia, 2023




4.1.4 Jantina

Dapatan Banci Pertanian 2024 turut melaporkan pegangan pertanian lelaki mendominasi aktiviti penanaman padi dengan 102,455 orang (81.3%) manakala perempuan 23,521 orang. Di kalangan pegangan pertanian tanaman padi lelaki, analisis menunjukkan bilangan paling ramai berada di Kedah dengan 38,756 lelaki (30.8%). Ini diikuti oleh Sarawak 14,075 lelaki (11.2%) dan Perak 10,960 lelaki (8.7%). Di kalangan pegangan pertanian perempuan pula, Kedah turut melaporkan bilangan pegangan pertanian tanaman padi tertinggi dengan 10,103 orang (43.0%). Sebaliknya, Perak menduduki tempat kedua bagi bilangan pegangan pertanian tanaman padi perempuan dengan 4,958 orang (12.4%) diikuti oleh Perlis, 2,446 orang (10.4%).

Perbandingan peringkat negeri menunjukkan semua negeri didominasi oleh pegangan pertanian lelaki. Kelantan mencatatkan peratusan lelaki tertinggi 88.7 peratus. Ini diikuti oleh Pulau Pinang 86.6 peratus dan Melaka 84.9 peratus.

Paparan 5: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Jantina dan Negeri, Malaysia, 2023




Selain itu, penglibatan pegangan pertanian padi lelaki sepenuhnya dilaporkan di Gua Musang (Kelantan), Jerantut dan Bera (Pahang), Timur Laut (Pulau Pinang), Batang Padang, Muallim dan Bagan Datuk (Perak), Gombak, Klang, Petaling dan Hulu Selangor (Selangor) serta Sandakan dan Beaufort (Sabah). Sebaliknya, pegangan pertanian tanaman padi perempuan sahaja direkodkan di Segamat (Johor), Bentong (Pahang) dan Kalabakan (Sabah).

4.1.5 Kumpulan Umur

Hasil dapatan Banci Pertanian 2024 menunjukkan pegangan pertanian tanaman padi yang berusia 60 tahun dan ke atas merangkumi 48.4 peratus daripada keseluruhan bilangan pegangan pertanian tersebut, menjadikan kumpulan umur ini merekodkan peratus tertinggi dalam aktiviti penanaman padi. Namun begitu, golongan muda berusia antara 31 hingga 45 tahun dilaporkan hanya 16.3 peratus daripada bilangan keseluruhan pegangan pertanian, suatu angka yang membimbangkan kerana generasi muda inilah yang diharapkan untuk meneruskan kesinambungan sektor tanaman padi pada masa hadapan.

Banci Pertanian 2024 turut melaporkan pegangan pertanian yang berumur 60 tahun dan ke atas di Perlis, Kedah dan Perak telah melebihi 50 peratus daripada keseluruhan kumpulan umur di negeri tersebut. Kumpulan umur 60 tahun dan ke atas di Perlis merangkumi 52.5 peratus daripada keseluruhan kumpulan umur, manakala Kedah dan Perak masing-masing 50.8 peratus dan 50.7 peratus. Sementara itu, kumpulan umur tersebut didapati lebih rendah di Johor dan Negeri Sembilan dengan 36.2 peratus serta Terengganu 39.7 peratus.


Paparan 6: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Kumpulan Umur, Malaysia, 2023



Perbandingan di peringkat daerah, di kalangan kumpulan umur 60 tahun dan ke atas pegangan pertanian tanaman padi dengan peratus tertinggi adalah Maran, Pahang (99.5%). Ini diikuti oleh Perak Tengah, Perak (60.1%) dan Kuala Nerus, Terengganu (59.9%). Sebaliknya, kumpulan umur 60 tahun dan ke atas yang mencatatkan peratus terendah adalah di Gombak, Selangor (0.1%), Telupid, Sabah (2.6%) dan Nabawan, Sabah (10.0%). Manakala, kumpulan umur 15-30 tahun merekodkan peratus tertinggi di Nabawan, Sabah (20.0%), diikuti oleh Beluran, Sabah (19.1%) dan Hulu Perak, Perak (16.7%). Bagi golongan umur 31-45 tahun, Telupid, Sabah mencatatkan peratusan tertinggi dengan 59.0 peratus, diikuti oleh Kuala Langat, Selangor (57.1%) dan Johor Bahru, Johor (41.7%).

Penglibatan golongan belia dalam aktiviti penanaman padi di Malaysia, yang merangkumi individu berumur antara 15 hingga 40 tahun, menunjukkan tahap penyertaan yang masih memerlukan perhatian serius. Secara keseluruhan, hanya 11.6 peratus (14,752 individu) terdiri daripada lingkungan umur belia. Angka ini memperlihatkan bahawa sebahagian besar pegangan pertanian individu tanaman padi dalam sektor ini masih terdiri daripada golongan lebih berusia, yang boleh menjejaskan kesinambungan tenaga kerja dalam industri penanaman padi pada masa hadapan.

Paparan 7: Penglibatan Golongan Belia dalam Tanaman Padi




Kedah merupakan penyumbang tertinggi dalam penglibatan belia bagi pegangan pertanian individu tanaman padi, dengan peratus sumbangan 37.8 peratus daripada jumlah belia. Ini diikuti oleh Perlis dengan sumbangan penglibatan belia 9.2 peratus dan Perak dengan 8.9 peratus. Walau bagaimanapun, negeri seperti Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya mencatatkan peratusan yang terendah. Situasi ini mengisyaratkan keperluan mendesak untuk memperkukuh strategi menarik minat golongan belia dalam pertanian padi, sama ada melalui insentif, bimbingan keusahawanan, akses kepada teknologi moden, mahupun memperluas jaminan pasaran.

Tiga daerah di Kedah mencatatkan penglibatan pegangan pertanian tanaman padi belia teratas iaitu Kubang Pasu, Kota Setar dan Pendang masing-masing berjumlah 1,467 individu, 1,199 individu dan 982 individu. Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 25.0 peratus daripada keseluruhan pegangan pertanian tanaman padi belia.

4.1.6 Etnik


Pegangan pertanian padi daripada etnik Bumiputera mendominasi bilangan pegangan pertanian padi di Malaysia dengan 120,657 orang (95.8%), diikuti oleh etnik Cina (3.1%), India (0.5%) dan lain-lain (0.7%).

Paparan 8: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Etnik, Malaysia, 2023



Etnik Bumiputera merupakan etnik utama bagi pegangan pertanian padi di peringkat negeri dengan peratusan tertinggi di Negeri Sembilan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan 100 peratus dan Pahang (99.9%). Majoriti negeri melaporkan peratusan etnik Bumiputera melebihi 80 peratus kecuali Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (25.0%). Etnik Cina merekodkan peratus tertinggi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (75.0%) dan terendah di Pahang (0.03%) manakala etnik India pula merekodkan peratus tertinggi di Selangor (2.0%) dan terendah di Pahang (0.1%).

Paparan 9: Tiga Negeri Teratas Pegangan Pertanian Tanaman Padi Bumiputera, Malaysia, 2023




Etnik Bumiputera turut mendominasi pegangan pertanian padi di peringkat daerah dengan 53 daerah merekodkan 100 peratus Bumiputera. Sebaliknya, daerah dengan peratusan etnik Bumiputera terendah adalah di Sepang, Selangor (0.8%), Hulu Perak, Perak (1.7%) dan Pusa, Sarawak (21.7%). Etnik Cina mencatatkan peratusan tertinggi di Sepang, Selangor (99.9%) dan tiada rekod etnik Cina di 59 daerah. Etnik India pula mencatatkan peratusan tertinggi di 0805, Perak (6.8%) dan tiada etnik India dilaporkan di 127 daerah.

4.1.7 Taraf Perkahwinan


Taraf perkahwinan di kalangan pegangan pertanian tanaman padi di Malaysia menunjukkan 76.6 peratus adalah kategori Berkahwin, manakala 15.0 peratus adalah balu/duda. Kategori lain termasuk 7.5 peratus bagi yang Tidak Pernah Berkahwin, 0.6 peratus, Bercerai dan 0.2 peratus, Berpisah.

Paparan 10: Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



Bagi kategori Tidak Pernah Berkahwin, Negeri Sembilan (31.9%) mencatatkan peratusan tertinggi, manakala Selangor (5.1%) mencatatkan peratusan terendah. Selain itu, bagi kategori Berkahwin, Selangor (89.2%) mencatatkan peratusan tertinggi dan Selangor (55.1%) mencatatkan peratusan terendah. Bagi kategori Balu/Duda, Perak (20.0%) merekodkan peratusan tertinggi, manakala Selangor (5.5%) mencatatkan peratusan terendah. Sementara itu, Sarawak mencatatkan peratusan tertinggi bagi kategori Bercerai dan Berpisah dengan 1.9 peratus. Semua daerah didominasi oleh pegangan pertanian yang berstatus Berkahwin dengan 16 daerah merekodkan 100 peratus.


Paparan 11: Negeri Tertinggi Pegangan Pertanian Tanaman Padi Mengikut Taraf Perkahwinan, Malaysia, 2023



4.1.8 Sijil Tertinggi Diperoleh

Hampir satu pertiga daripada pegangan pertanian penanaman padi di Malaysia memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sebagai sijili tertinggi diperoleh pada tahun 2023 dengan 45.1 peratus. Manakala, pegangan pertanian yang memiliki sijil di bawah taraf kelulusan SPM adalah 28.4 peratus, malah 20.6 peratus Pegangan Pertanian Individu tidak memiliki sebarang sijil pendidikan. Justeru, 94.2 peratus daripada pegangan pertanian tanaman padi memiliki sijil SPM dan ke bawah. Sementara itu, sejumlah 1,058 pegangan pertanian memiliki sijil tertinggi peringkat tertiar. Majoriti mereka adalah pegangan pertanian dari Kedah, Perlis dan Johor.

Paparan 12: Negeri Tertinggi Pegangan Pertanian Tanaman Padi bagi Sijil Tertinggi Diperoleh, Malaysia, 2023



4.2 PEGANGAN PERTANIAN PERTUBUHAN TANAMAN PADI

Bilangan pertubuhan yang menjalankan aktiviti penanaman padi beroperasi di Malaysia pada tahun 2023 adalah 170. Negeri Kedah merupakan penyumbang tertinggi dalam bilangan pertubuhan dengan 36.5 peratus (62 pertubuhan), diikuti Perlis (22 pertubuhan) dan Perak (18 pertubuhan). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 60.0 peratus daripada bilangan keseluruhan pertubuhan dalam tanaman padi.


Tiga daerah di Kedah melaporkan bilangan pertubuhan yang melaksanakan aktiviti tanaman padi yang teratas iaitu Kubang Pasu, Kedah dengan sumbangan 11.8 peratus (20 pertubuhan), diikuti Kota Setar, Kedah (17 pertubuhan) dan Yan, Kedah (12 pertubuhan). Ketiga-tiga daerah ini menyumbang 28.8 peratus daripada keseluruhan pertubuhan dalam subsektor tanaman padi.

5.0 PARAMETER UTAMA PEGANGAN PERTANIAN TANAMAN PADI

5.1 Keluasan Bertanam

Keseluruhan keluasan fizikal yang digunakan untuk aktiviti tanaman padi di Malaysia pada tahun 2023 adalah 462,339.0 hektar. Negeri Kedah mencatatkan keluasan tertinggi iaitu 213,134.5 hektar, yang mewakili kira-kira 46.1% daripada keseluruhan tanah guna padi di negara ini. Ini menjadikan Kedah sebagai penyumbang utama dalam sektor penanaman padi di Malaysia. Diikuti oleh negeri Perak dengan 49,360.7 hektar (10.7%) dan Selangor dengan 40,183.1 hektar (8.7%). Selain itu, Perlis dan Terengganu masing-masing merekodkan 41,475.1 hektar (9.0%) dan 32,821.5 hektar (7.1%).

Paparan 13: Keluasan Fizikal Tanaman Padi Mengikut Negeri (hektar), Malaysia, 2023




Nota: Peta tidak mengikut skala sebenar

Perbandingan keluasan fizikal bagi daerah menunjukkan tiga daerah dengan keluasan terbesar ialah Kota Setar, Kedah dengan keluasan 47,963 hektar (12.2% daripada luas keseluruhan), diikuti oleh Kubang Pasu, Kedah dengan 43,638 hektar (11.2%) dan Yan, Kedah dengan 35,173 hektar (8.9%). Sementara itu, tiga daerah dengan keluasan paling rendah berada di Sabah iaitu Kalabakan, Kinabatangan dan Tawau dengan keluasan 1 hektar.

Keluasan bertanam padi di Malaysia pada 2023 adalah 506,377 hektar, dengan 497,414 hektar atau 98.2 peratus diusahakan oleh pegangan pertanian individu manakala 8,963 hektar atau 0.02 peratus pegangan pertanian pertubuhan. Secara umumnya, semua negeri didominasi oleh pegangan pertanian individu.

Negeri yang mencatat keluasan bertanam tertinggi ialah Kedah dengan keluasan 198,503.0 hektar (39.2%), diikuti oleh Perak 74,706.2 (14.8%) dan Kelantan dengan 72,063.7 hektar (14.2%). Faktor utama yang menyumbang kepada keluasan besar ini termasuklah kesesuaian tanah, jaringan pengairan yang baik serta penglibatan aktif dalam sektor pertanian berskala besar. Sebaliknya, Negeri Sembilan dan Melaka merekodkan keluasan bertanam terendah masing-masing 1,037.3 hektar (0.2%) dan 2,261.9 hektar (0.5%). Negeri-negeri dengan keluasan bertanam tinggi ini secara langsung menyumbang kepada kuantiti tuaian dan nilai jualan yang lebih tinggi, manakala negeri-negeri dengan keluasan kecil pula mencatat jumlah tuaian dan pendapatan yang lebih rendah.

Paparan 14: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertanam, Malaysia, 2023




Daerah yang mencatatkan keluasan bertanam tertinggi ialah Kubang Pasu, Kedah dengan keluasan 56,375.7 hektar (11.1%), diikuti oleh Kota Setar, Kedah dengan 50,305.5 hektar (9.9%). Sebaliknya, Kalabakan, Sabah dan Pakan, Sarawak masing-masing hanya mencatatkan keluasan bertanam 0.2 hektar dan 1.1 hektar. Daerah-daerah yang mempunyai keluasan bertanam yang besar juga menunjukkan prestasi tuaian dan nilai jualan yang jauh lebih tinggi berbanding daerah-daerah yang mempunyai keluasan yang minimum.

5.2 Keluasan Bertuai

Keseluruhan keluasan bertuai untuk aktiviti tanaman padi di Malaysia pada tahun 2023 adalah 477,55 hektar. Kedah mencatatkan keluasan bertuai tertinggi dengan 197,301 hektar (41.3%). Ini diikuti oleh Perak dengan 74,692 hektar (15.6%) dan Kelantan 57,883 (12.1%). Sebaliknya, tiga negeri terbawah bagi keluasan bertuai adalah Negeri Sembilan 884 hektar (0.2%), Melaka 2,005 hektar (0.4%) dan Johor 2,231 hektar (0.5%).

Paparan 15: Tiga Negeri Teratas bagi Keluasan Bertuai, Malaysia, 2023



Hasil dapatan perbandingan keluasan bertuai di antara daerah di Malaysia menunjukkan daerah Kubang Pasu, Kedah mencatatkan keluasan bertuai terbesar dengan 56,355 hektar (11.8%). Ini diikuti oleh Kota Setar, Kedah dengan 50,281 hektar (10.5%) dan Kerian, Perak 36,425 hektar (7.6%). Sebaliknya, Kalabakan, Sabah dan Beluru, Sarawak masing-masing merekodkan keluasan bertuai yang rendah iaitu 0.2 hektar dan 0.5 hektar.


5.3 Kuantiti Pengeluaran

Pengeluaran padi yang dilaporkan dalam Banci Pertanian 2024 merangkumi padi basah yang belum melalui proses pemutuan. Padi basah ini kemudiannya melalui proses pengeringan, menghasilkan padi kering dengan kandungan kelembapan yang dikurangkan bagi memastikan ketahanan serta mutu yang lebih baik sebelum diproses menjadi beras.

Hasil penemuan banci ini mendapati pengeluaran padi negara berjumlah 2.2 juta tan metrik pada tahun 2023. Kedah merupakan pengeluar utama padi di Malaysia dengan 982,443 tan metrik, dengan sumbangan 44.8 peratus. Kelantan meliputi 11.4 peratus dengan pengeluaran 249,030 tan metrik manakala Perak merekodkan 207,632 tan metrik, seterusnya merangkumi 9.5 peratus daripada keseluruhan pengeluaran padi negara. Selain itu, Selangor dan Pulau Pinang turut merupakan antara negeri utama pengeluar padi dengan pengeluaran masing-masing 218,791 tan metrik (sumbangan 10.0%) dan 168,166 tan metrik (sumbangan 7.7%). Perlis yang merupakan negeri

terkecil di Malaysia direkodkan sebagai negeri pengeluar ke-enam dengan 165,305 tan metrik, menyumbang 7.6 peratus.

Paparan 16: Kuantiti Pengeluaran Tanaman Padi Mengikut Negeri, Malaysia, 2023




Manakala di peringkat daerah, Kubang Pasu, Kedah merekodkan kuantiti pengeluaran tanaman padi tertinggi iaitu 283,054 tan metrik dengan peratus sumbangan 12.9 peratus. Ini diikuti Kota Setar, Kedah dan Pendang, Kedah masing-masing mencatatkan kuantiti pengeluaran berjumlah 237,766 tan metrik (10.9%) dan 162,903 tan metrik (7.4%).

5.4 Kuantiti dan Nilai Jualan

Penemuan Banci Pertanian 2024 mendapati kuantiti jualan padi di Malaysia direkodkan pada 1.7 juta tan metrik, dengan nilai jualan berjumlah RM2.4 bilion pada tahun 2023. Sejar sebagai negeri pengeluar utama padi di Malaysia, nilai jualan padi di Kedah telah meliputi 46.6 peratus daripada jualan padi negara, mencatatkan kuantiti jualan sejumlah 759,550 tan metrik dengan nilai jualan RM1.1 bilion.

Sementara itu, Kelantan merekodkan kuantiti jualan padi di kedudukan kedua teratas dengan 232,867 tan metrik (nilai jualan: RM287.1 juta). Kuantiti jualan di Selangor mewakili 12.8 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan padi negara manakala Perak dan Perlis masing-masing merekodkan kuantiti jualan 196,730 tan metrik dan 102,574 tan metrik. Secara keseluruhan, jumlah sumbangan kelima-lima negeri tersebut telah merangkumi 89.5 peratus daripada keseluruhan kuantiti jualan padi negara pada tahun 2023.

Paparan 17: Kuantiti dan Nilai Jualan Pegangan Pertanian Mengikut Negeri



Di peringkat daerah pula mencatatkan Kubang Pasu, Kedah dengan kuantiti jualan tanaman padi tertinggi berjumlah 225,146 tan metrik (nilai jualan: RM326.8 juta). Ini diikuti Kota Setar, Kedah dengan jumlah 187,548 tan metrik (nilai jualan: RM272.1 juta) dan Sabak Bernam, Selangor yang berjumlah 133,434 tan metrik (nilai jualan: RM220.1 juta).

5.5 Purata Hasil

Malaysia merekodkan purata hasil padi pada 4,450 kilogram per hektar pada tahun 2023. Purata hasil padi adalah jumlah purata padi yang dituai bagi setiap hektar sawah yang dapat menggambarkan kesuburan dan kecekapan pengeluaran di sesuatu kawasan sawah, seterusnya menjadi penanda aras untuk melihat keberkesanan penggunaan benih, baja dan kaedah penanaman. Lima negeri mencatatkan purata hasil melepasi paras nasional, iaitu Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Negeri Sembilan dan Terengganu. Pulau Pinang merupakan negeri yang mencatatkan purata hasil yang tertinggi iaitu 6,368 kilogram per hektar, diikuti Selangor dan Kedah dengan masing-masing 6,327 kilogram per hektar dan 5,031 kilogram per hektar. Sementara itu, Negeri Sembilan merekodkan purata hasil 4,764 kilogram per hektar dan Terengganu (4,510 kilogram per hektar).

Sik, Kedah mencatatkan purata hasil tertinggi berbanding daerah-daerah lain di Malaysia dengan 8,529 kilogram per hektar. Ini diikuti Kuala Selangor, Selangor 8,039 kilogram per hektar dan Batang Padang, Perak 7,523 kilogram per hektar. Selain itu, Kampar, Perak merekodkan purata hasil 7,509 kilogram per hektar, manakala purata hasil Manjung, Perak dan Jelebu, Negeri Sembilan masing-masing 7,543 kilogram per hektar dan 7,303 kilogram per hektar. Secara keseluruhan di peringkat daerah,

sepuluh daerah yang mempunyai purata hasil padi tertinggi di Malaysia terdiri daripada Kampar, Kinta, Bagan Datuk dan Batang Padang (Perak); Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan (Pulau Pinang); Bera (Pahang); Kuala Selangor (Selangor) dan Jelevu (Negeri Sembilan).

TREND PENGELUARAN PADI DAN TAHAP KEBERGANTUNGAN MALAYSIA TERHADAP BERAS IMPORT

Siti Hajar Mohamad¹, Wan Nurliya Afifah Wan Ramli², Siti Haslinda Mohd Din³
¹Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia
²Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia
³National Big Data Analytic Centre, Jabatan Perangkaan Malaysia

PENGENALAN

Beras merupakan makanan ruji di Malaysia dan memainkan peranan penting dalam pola pemakanan harian penduduk negara. Hampir setiap sajian utama rakyat dihidangkan bersama nasi, menjadikan permintaan terhadap beras kekal tinggi sepanjang tahun. Penggunaan tahunan beras oleh rakyat di negara ini dianggarkan sekitar tiga juta tan metrik setiap tahun, dan terus memperlihatkan momentum yang stabil, seiring dengan pertambahan kadar populasi dan perubahan gaya hidup.

Namun, peningkatan permintaan yang berterusan telah memberi tekanan kepada industri pengeluaran beras tempatan, yang hanya mampu membekalkan 1.44 juta tan metrik beras setahun, iaitu kurang daripada 50 peratus daripada keperluan negara. Beberapa faktor yang telah dikenalpasti seperti kawasan penanaman padi yang semakin berkurangan, tahap kesuburan tanah yang rendah dan penggunaan teknologi moden yang masih terbatas telah memberi impak kepada keadaan tersebut. Selain itu, perubahan iklim dan ketidakstabilan cuaca turut memberi kesan terhadap hasil pengeluaran beras negara.

Bagi menampung kekurangan pengeluaran domestik, Malaysia dilihat bergantung kepada import beras daripada negara luar seperti Thailand, Vietnam dan Pakistan. Walau bagaimanapun, kebergantungan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keterjaminan bekalan makanan negara, terutamanya ketika krisis global seperti pandemik COVID-19 yang mengganggu rantai bekalan antarabangsa.

Kerajaan telah melancarkan Dasar Agro-Makanan Negara 2021 - 2030 yang memberi fokus kepada usaha meningkatkan produktiviti sektor padi dan beras sebagai salah satu langkah untuk menangani isu ini. Antara pendekatan yang diambil termasuk memperkenalkan teknologi pertanian moden, meningkatkan kecekapan sistem pengairan serta menggalakkan amalan pertanian mampan di kalangan petani.

CORAK KELUASAN TANAMAN DAN PENGELUARAN PADI


Aktiviti penanaman padi di Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran, termasuklah penyusutan keluasan kawasan bertanam padi. Secara keseluruhannya, terdapat dua belas kawasan jelapang padi di seluruh Malaysia. Negeri Kedah merupakan pengeluar padi utama di Malaysia terutamanya di kawasan jelapang padi iaitu di Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA). Walau bagaimanapun, kawasan jelapang padi lain seperti di negeri Kelantan,

Selangor, Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak turut menyumbang kepada pengeluaran padi di Malaysia. Kawasan jelapang padi tersebut adalah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Kawasan Pertanian Bersepadu (IADA) seperti Kerian, Barat Laut Selangor (BLS), Pulau Pinang, Seberang Perak, Terengganu Utara (KETARA), Kemasin Semerak, Pekan, Rompin, Batang Lupar dan Kota Belud.

Merujuk kepada laporan Perangkaan Agromakanan Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), keluasan bertanam padi di Malaysia direkodkan menyusut sejak tahun 2019 hingga 2023 dengan kadar penurunan di antara 1.5 peratus hingga 4.0 peratus, kecuali peningkatan marginal pada tahun 2021. Pada tahun 2023, keluasan bertanam padi di Malaysia adalah 614,082 hektar, menyusut 3.7 peratus daripada 637,955 hektar pada tahun sebelumnya. Penurunan ketara dicatatkan di Negeri Sembilan dengan 27.6 peratus dan Sarawak 21.3 peratus. Keluasan bertanam bagi negeri pengeluar utama iaitu Kedah turut menyusut 0.6 peratus, Kelantan (-2.0%) dan Perlis (-0.3%). Sebaliknya, Johor menunjukkan peningkatan 3.4 peratus manakala Perak bertumbuh marginal 0.3 peratus.


Sementara itu, pengeluaran padi negara pada tahun 2023 dicatatkan pada 2,175,149 tan metrik manakala pengeluaran beras yang dihasilkan pada tempoh yang sama adalah 1,503,151 tan metrik. Kedah selaras dengan jolokan 'Negeri Jelapang Padi' menghasilkan kuantiti pengeluaran padi tertinggi, 747,193 tan metrik dan berjaya menghasilkan beras 523,036 tan metrik. Bagi tempoh 2017 hingga 2019, semua negeri di Semenanjung Malaysia menghasilkan 60 peratus hingga 65 peratus beras berbanding pengeluaran padi. Manakala tahun 2020 hingga 2023, 70 peratus beras berjaya dihasilkan, bagi Sabah dan Sarawak pula, 59 peratus hingga 67 peratus.

Carta 1: Keluasan Bertanam, Kuantiti Pengeluaran Padi dan Pengeluaran Beras 2018-2023



Sumber: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Carta 2: Keluasan Bertanam, Kuantiti Pengeluaran Padi dan Pengeluaran Beras mengikut negeri 2023




Sumber: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Prestasi kuantiti pengeluaran padi, pengeluaran beras dan keluasan bertanam mengikut negeri bagi tempoh siri masa 2017 sehingga 2023 dilaporkan seperti dalam Carta 3. Trend menunjukkan konsisten penurunan kuantiti pengeluaran padi dan pengeluaran beras dalam tempoh tersebut sejajar dengan kemerosotan keluasan bertanam. Negeri Sembilan dan

Sarawak mencatatkan kemerosotan yang ketara bagi keluasan bertanam padi, kuantiti pengeluaran padi dan pengeluaran beras dalam tempoh yang sama. Manakala Terengganu mencatatkan tren penurunan selepas tahun 2020. Sabah turut mencatatkan kemerosotan keluasan bertanam yang ketara.

Carta 3: Keluasan Bertanam Padi, Kuantiti Pengeluaran Padi dan Pengeluaran Beras mengikut negeri 2017-2023



Sumber: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan


KUANTITI DAN NILAI IMPORT BERAS

Malaysia terus bergantung kepada import beras bagi memenuhi permintaan domestik yang melebihi kemampuan pengeluaran tempatan. Malaysia mengimport pelbagai jenis beras dari beberapa negara, dengan beberapa variasi yang sangat popular. Antaranya ialah Beras Basmathi dan Beras Ponni dari India, yang tergolong dalam kategori beras panjang dan sering digunakan dalam hidangan seperti nasi briyani serta masakan India, kerana teksturnya yang ringan dan tidak melekat.


Selain itu, Beras Jasmine dari Thailand dikenali dengan aroma wanginya yang unik dan sering digunakan dalam masakan seperti nasi goreng Thai. Beras Putih dari Vietnam pula merupakan pilihan utama dalam hidangan seperti nasi goreng dan masakan Vietnam.

Satu lagi jenis yang popular ialah Beras Parboiled, yang melalui proses khas seperti rendaman, pengukusan, dan pengeringan untuk meningkatkan kandungan nutrisinya. Setiap jenis beras ini mempunyai keistimewaan tersendiri dari segi tekstur, aroma, dan kegunaan dalam masakan.

Nilai import beras meningkat 27 peratus iaitu RM3.7 bilion pada 2023 berbanding RM2.7 bilion tahun 2022. Dalam tempoh yang sama, kadar Self-Sufficiency Ratio (SSR) beras berada pada paras sekitar 56.2 peratus berbanding tahun sebelum 57.9 peratus, sekali gus menunjukkan bahawa lebih negara masih bergantung besar kepada import. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keterjaminan makanan negara, khususnya apabila berlaku gangguan rantaian bekalan antarabangsa atau sekatan eksport oleh negara pengeksport utama.




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan import berlaku bagi memenuhi pengeluaran domestik yang berkurang. Antara pembekal utama beras ke Malaysia ialah Vietnam yang menyumbang nilai import beras tertinggi pada 2023 (RM988.2 juta). Thailand pula merupakan pembekal kedua teratas, dengan nilai import beras RM964.0 juta diikuti oleh Pakistan, RM849.2 juta. Kedudukan Thailand dan Pakistan telah meningkat berbanding tahun 2022. Kedudukan ini disokong oleh faktor luaran dengan perubahan dasar eksport oleh negara pembekal termasuk sekatan eksport beras oleh India telah menyebabkan gangguan kepada bekalan antarabangsa.



CABARAN INDUSTRI PADI

Pelbagai cabaran utama yang dihadapi oleh pesawah dalam usaha meningkatkan pengeluaran beras di Malaysia seperti kos pengeluaran yang tinggi, pergantungan kepada subsidi kerajaan, perubahan iklim. Peningkatan kos pengeluaran kerana harga input pertanian seperti baja, racun perosak dan tenaga kerja yang meningkat mengakibatkan keuntungan yang rendah kepada pesawah. Selain itu, perubahan dalam dasar subsidi boleh memberi kesan besar kepada pengeluaran dan iklim yang sentiasa berubah kerana faktor cuaca seperti kemarau, banjir, dan perubahan suhu memberi kesan kepada hasil padi.

Walaupun berhadapan dengan cabaran termasuk juga pertukaran status guna tanah padi kepada tanaman lain, industri beras di Malaysia juga menawarkan banyak peluang, terutamanya jika strategi yang betul diambil untuk memanfaatkan potensi sektor ini. Penggunaan teknologi moden seperti dron, sistem pengairan pintar, dan automasi pertanian dapat membantu meningkatkan hasil padi dan mengurangkan kos buruh. Penggunaan dron untuk menyembur baja dan racun perosak boleh meningkatkan kecekapan dan menjimatkan masa dan mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja manusia.

Malaysia boleh memfokuskan kepada pengeluaran beras premium seperti beras wangi, beras organik, atau beras parboil, yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Pengeluaran beras organik, contohnya, boleh menarik perhatian pengguna yang mementingkan kesihatan. Di samping itu, usahawan dalam industri beras boleh memanfaatkan platform e-dagang seperti Shopee dan Lazada untuk menjual produk mereka secara langsung kepada pengguna. Ini membantu petani dan pengeluar kecil mendapatkan margin keuntungan yang lebih baik dengan mengurangkan pergantungan kepada pengedar tradisional.

Selain menjual beras sebagai produk asas, syarikat boleh menceburi sektor hiliran dengan menghasilkan produk nilai tambah seperti bihun, tepung beras, atau makanan ringan berasaskan beras. Pengeluaran padi juga dapat ditingkatkan dengan galakan penyertaan generasi muda untuk dalam industri pertanian moden bagi memastikan kelangsungan sektor ini pada masa hadapan. Program seperti kursus keusahawanan pertanian dan bimbingan teknologi dapat membantu menarik lebih ramai usahawan muda ke dalam sektor ini.

DISKUSI DAN KESIMPULAN

